

E-MEL PEMBACA

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

→ **INTERAKTIF**

Dialog TN50 beri peluang belia bersuara, jawab persoalan

Pada 21 Oktober 2016, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membentangkan Bajet 2017. Dalam pembentangan itu, Perdana Menteri turut mengumumkan pelan hala tuju jangka panjang negara untuk tempoh 30 tahun akan datang yang dinamakan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Kita sudah maklum bahawa setiap Perdana Menteri mempunyai perancangan yang rapi untuk masa depan rakyat dan negaranya.

TN50 yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri dibentuk untuk generasi masa depan. Maka, Kementerian Belia dan Sukan telah diamankan untuk menjadi platform membantu menjayakan TN50.

TN50 ini adalah dikhususkan untuk mendapatkan maklum balas daripada golongan muda untuk membentuk masa depan negara

menjelang 2050 nanti.

Dialog TN50 beri jawapan

TN50 digerakkan dalam kerangka yang berbentuk wacana atau dialog nasional memberi peluang baik kepada semua generasi muda tanpa mengira jantina, kaum, agama, bangsa, latar belakang untuk memberikan idea dan aspirasi mereka dalam aspek pembangunan negara menjelang 2050.

Seperti yang kita ketahui, setengah golongan muda di negara ini suka mengutuk dan membangkang apa sahaja yang dilakukan oleh pemimpin negara tanpa mengambilkira kesan positif dan faedah perancangan atau dasar berkenaan bukan sahaja kepada mereka tetapi kepada rakyat dan negara.

Saya percaya, dialog TN50 ini mampu menjawab segala persoalan oleh generasi muda di negara

ini, kerana keterbukaan dialog terbahit untuk mendengar segala pandangan dan suara hati mereka.

Anak muda perlu bergiat aktif dan hadir dalam dialog perdana yang diadakan dengan membawa fikiran yang rasional, persediaan rapi dalam menyuarakan pendapat serta minda yang bebas dan terbuka bagi menerima segala jawapan yang diberikan kepada persoalan mereka.

Dialog TN50 juga memainkan peranan yang penting kerana segala idea, cadangan, kritikan, pembaharuan dan penambahbaikan generasi muda akan dijadikan medan terbaik bagi membantu kerajaan dalam merangka dasar dan polisi terbaik untuk generasi kini dan masa depan.

Semestinya belia menantikan saat ini dari dahulu lagi. Belia memang memerlukan sebuah pla-


tform yang terbuka bagi menjawab segala persoalan yang bermain dalam fikiran mereka. Segala persoalan berkaitan ekonomi, politik, sosial, pembangunan bandar dan luar bandar, suara mahasiswa, perpaduan kaum, hubungan diplomatik negara, jenayah, agama, keselamatan dan sebagainya terjawab apabila dialog perdana TN50 diadakan.

Iktiraf sumbangan belia

Pada 19 Januari lalu, sebuah dialog perdana telah diadakan di Universiti Malaya (UM) bersama Perdana Menteri, menandakan kepeimpinan tertinggi negara sedia mendengar suara dan mengiktiraf sumbangan belia kepada pembangunan negara. Saya percaya lebih banyak dialog TN50 akan diadakan dari semasa ke semasa mendengar suara anak muda yang akan merealisasikan transformasi itu.

Kesimpulannya, TN50 mampu menjadi medan yang terbaik untuk masa depan bangsa dan negara serta generasi akan datang. Daripada hanya berdemonstrasi di jalanan atau hanya berani menjadi pahlawan papan kekunci di media sosial, generasi muda perlu bijak dan berdiri teguh dalam membentuk identiti nasional yang lebih mantap.

Golongan belia juga perlu bijak dalam menggunakan setiap peluang yang ada dalam berkongsi idea dan kemahuan untuk tahun 2050 yang gemilang kelak kerana belia penggerak aspirasi negara. TN50 adalah milik kita semua sebagai rakyat Malaysia.

 **Jaymani Sevanathan,**
Pelajar Tahun Pertama
Sains Politik, Universiti
Kebangsaan Malaysia